

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB. DATUK HAJAH NORAH BINTI
ABD RAHMAN**

KAWASAN : TANJONG MANIS

NO. SOALAN : 188

YB. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah langkah tambahan yang telah diambil oleh MATRADE dalam membantu usahawan tempatan yang mempunyai produk yang sedia dieksport (export ready) bagi memasuki pasaran luar negara selain dari bantuan untuk menyertai pameran dan misi perdagangan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) telah menganjurkan dan melaksanakan pelbagai program bagi membantu usahawan tempatan yang mempunyai produk yang sedia di eksport (*export ready*) bagi memasuki pasaran luar negara. Di antara program-program tersebut adalah Program Pembangunan Syarikat Peringkat Pertengahan Di Malaysia (Mid-Tier), Go-Ex dan eTrade.

PROGRAM 'MID-TIER'

Program 'Mid-Tier' yang juga merupakan program pecutan atau "*acceleration programme*", ini bertujuan untuk mengenal pasti, membangun dan memperkembangkan lagi pertumbuhan kelompok syarikat peringkat pertengahan di Malaysia yang bergiat dalam inovasi dan pembangunan teknologi untuk terus maju dan lebih berdaya saing di peringkat serantau dan global. Penganjuran program ini adalah selaras dengan usaha kerajaan dalam memperkasakan syarikat-syarikat Malaysia di persada antarabangsa, seterusnya dapat menjadikan Malaysia sebuah negara yang berpendapatan tinggi.

Inisiatif bagi membangunkan dan mempertingkatkan lagi keupayaan dan daya saing syarikat peringkat pertengahan seperti ini telah lama dilaksanakan di negara-negara seperti New Zealand, Amerika Syarikat, Jerman, India, Turki, Perancis dan Singapura. Inisiatif-inisiatif seperti ini telah terbukti dapat menjana pertumbuhan ekonomi dan memperkukuhkan eksport negara.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, Syarikat peringkat pertengahan di Malaysia terdiri daripada dua kelompok syarikat, iaitu; syarikat pembuatan yang mempunyai jualan tahunan sebanyak RM50 juta hingga RM500 juta; dan syarikat perkhidmatan yang mempunyai jualan sebanyak RM20 juta hingga RM500 juta setahun.

Aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh kerajaan menerusi program pembangunan ini mampu melonjakkan syarikat-syarikat peringkat pertengahan di Malaysia melalui program:

1. Mempertingkatkan kapabiliti, kapasiti dan kecekapan syarikat peringkat pertengahan dengan mengadakan forum-forum dan bengkel-bengkel pengkhususan yang meliputi aspek peningkatan kemahiran industri dan pasaran di peringkat serantau dan global. Forum atau bengkel yang diadakan juga termasuk pemberian taklimat dan '*hands-on training*' oleh rangkaian pakar antarabangsa yang berpengalaman dalam industri dan pasaran peringkat serantau dan antarabangsa.

Program ini dapat memantapkan lagi kemahiran dan maklumat pasaran baru.

2. Mempertingkatkan kemahiran dan daya saing syarikat peringkat pertengahan melalui pendekatan inovasi dan aplikasi teknologi dengan mengadakan beberapa makmal inovasi dan pembangunan produk dan perkhidmatan khusus bagi kepentingan setiap syarikat. Di bawah program ini, produk-produk dan perkhidmatan yang berinovasi dan berimpak tinggi yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat peringkat pertengahan dapat dipertingkatkan lagi dari segi jumlah pasaran dan jualan.
3. Mendapatkan khidmat nasihat berkepakaran daripada rangkaian penasihat pakar luar negara. Aktiviti-aktiviti yang dikendalikan adalah spesifik kepada keperluan setiap syarikat peringkat pertengahan, sebagai contoh; memasuki pasaran baru, memperkukuhkan jenama yang telah sedia ada di pasaran terpilih, seterusnya membantu meningkatkan kecekapan syarikat supaya terus berkembang dan maju di peringkat antarabangsa.
4. Mengadakan program serapan pasaran atau 'country immersion programmes'. Melalui program intensif ini, peserta syarikat peringkat pertengahan mendapat pendedahan dan bimbingan dalam menembusi segmen pasaran yang berpotensi tinggi di luar negara. Di samping itu, setiap peserta syarikat peringkat pertengahan disuaipadankan dengan institusi kewangan dan

rakan teknologi yang bersesuaian dengan keperluan syarikat peringkat pertengahan tersebut, supaya barangan dan perkhidmatan yang sedia ada dipertingkatkan lagi dari segi kualiti dan daya saing agar lebih berupaya menerokai pasaran baru.

5. Mengadakan penilaian diagnostik ke atas setiap peserta program ini bagi mengenal pasti '*critical barriers to entry*' serta pasaran keutamaan bagi pertumbuhan setiap syarikat tersebut. Setelah keupayaan syarikat dinilai, program ini berkeupayaan untuk mengurangkan jurang kompetensi yang dikenalpasti, seterusnya menjadikan syarikat peringkat pertengahan Malaysia lebih mantap dan mampan di peringkat serantau dan antarabangsa,

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, sejumlah 44 syarikat telah pun berjaya menamatkan fasa pertama (*wave 1*) bagi program pembangunan syarikat peringkat pertengahan. Di samping itu, pihak MATRADE akan membuat pemantauan dan penilaian impak ke atas 'graduan' SPP tersebut setiap tahun.

Manakala, fasa kedua (*wave 2*) pelaksanaan program pembangunan syarikat peringkat pertengahan sedang berlangsung semenjak Januari 2015. Sebanyak 58 buah syarikat peringkat pertengahan telah dipilih bagi menjalani program ini, dan penyertaan syarikat-

syarikat peringkat pertengahan tersebut meliputi pelbagai kategori penyertaan iaitu syarikat bumiputera, syarikat milikan wanita dan juga syarikat peringkat pertengahan dari Sabah dan Sarawak.

PROGRAM 'GO-EX'

Kerajaan melalui Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah menyokong Pelan Induk PKS (2012-2020) yang memberi tumpuan kepada enam program berimpak tinggi (*high impact programme, HIP*). Program Going Export (Go-Ex) merupakan program berimpak tinggi yang keempat. Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) telah dilantik sebagai agensi pelaksana untuk Program Go-Ex.

Program Go-Ex ini bertujuan menangani masalah dihadapi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam menembusi pasaran baru di luar negara berikutan kos pendahuluan yang tinggi serta kurang pengetahuan mengenai pesaing dan pasaran baru. Penganjuran program ini adalah selaras dengan usaha kerajaan dalam memperkasakan PKS di persada antarabangsa, seterusnya meningkatkan keupayaan PKS di masa hadapan.

Untuk makluman, PKS di Malaysia terdiri daripada dua kelompok syarikat, iaitu; syarikat pembuatan yang mempunyai jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta atau 200 pekerja; dan syarikat perkhidmatan yang mempunyai jualan tahunan tidak melebihi RM20 juta atau 75 pekerja.

Kriteria pemilihan bagi mendapatkan kumpulan PKS yang berpotensi tinggi bagi projek perintis ini adalah berasaskan:

- (a) Memenuhi syarat sebagai PKS (Perusahaan Kecil & Sederhana)
- (b) Berdaftar sebagai ahli MATRADE
- (c) Sekurangnya 60% ekuiti syarikat dimiliki rakyat Malaysia.
- (d) Syarikat sedia eksport
- (e) Kemampuan bekalan yang diaudit
- (f) Produk sesuai untuk pasaran
- (g) Kedudukan kewangan yang kukuh
- (h) Akses kepada pembiayaan; dan
- (i) Memenuhi piawaian antarabangsa serta akreditasi dan pensijilan.

PKS yang layak menyertai Program Go-Ex akan mendapat bimbingan dan hala tuju daripada penasihat pasaran (*market advisor*) dalam membangunkan pelan perniagaan eksport. PKS tersebut kemudiannya akan dihubung dengan pembeli dan pengedar antarabangsa menerusi aktiviti pepadanan perniagaan dan taklimat produk / servis oleh penghubung pasaran.

Program Go-Ex disasarkan pada lapan sektor terpilih iaitu minyak dan gas, elektrik dan elektronik, teknologi maklumat dan komunikasi, peralatan perubatan, bahan binaan, automotif, gaya hidup dan makanan & minuman.

Untuk makluman, sehingga kini, sebanyak 71 syarikat telah pun diluluskan untuk menyertai Program Go-Ex.

PROGRAM 'eTRADE'

'eTrade' adalah satu inisiatif di bawah program digital Malaysia yang dilancarkan pada Jun 2014. Program ini bertujuan membantu PKS meningkatkan jualan eksport mereka melalui platform e-Dagang di dalam 'online marketplaces' bertaraf antarabangsa yang telah diluluskan oleh MATRADE. Melalui penyertaan di dalam *online marketplaces*, PKS dapat mengakses pembeli global tanpa sempadan lokasi dan masa. PKS yang memenuhi kriteria yang ditetapkan layak mendapat insentif kewangan (*e-voucher*) sehingga 50% daripada jumlah yuran penyertaan di dalam *online marketplaces* atau jumlah maksima sebanyak RM2,500. Kriteria kelayakan eTrade adalah:-

- a) Memenuhi syarat sebagai PKS (Perusahaan Kecil & Sederhana)
- b) Berdaftar sebagai ahli MATRADE
- c) Sekurangnya 60% ekuiti syarikat dimiliki rakyat Malaysia
- d) Menjual barangan atau perkhidmatan buatan Malaysia; dan
- e) Mempunyai taraf score 3 (*SME Corp Competency Ranking for Enhancement*) atau bersedia untuk mengeksport mengikut penilaian dibawah *MATRADE Export Readiness Assessment (MERA)* atau sudah mengeksport.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk program eTrade, MATRADE telah menandatangani perjanjian kerjasama dengan Alibaba.com iaitu platform e-Dagang B2B terbesar di dunia. Program eTrade mensasarkan penyertaan sebanyak 5000 PKS sehingga tahun 2020 dengan jualan eksport sebanyak RM500 juta.